



Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Kopi Buana

Ayat Aktif → Ayah Lidim mengusahakan perniagaan kopi.

Ayat Pasif → Perniagaan kopi diusahakan oleh ayah Lidim.



Dahulu, ayah menggunakan lesung kaki untuk membuat serbuk kopi. Biji kopi pula diambil dari ladang ayah di Muar.

1 Kini, beliau memproses kopi dengan menggunakan mesin.

Kini, kopi oleh dengan menggunakan mesin.



2 Kopi dihasilkan oleh ayah dengan menggunakan biji kopi yang terbaik sahaja.

Ayah kopi dengan menggunakan biji kopi yang terbaik sahaja.

3 Ayah Lidim menamai kopi itu Kopi Buana.

Kopi itu

4 Banyak orang menggemari Kopi Buana.

Kopi Buana

5 Kopi Buana dieksport oleh beliau ke Singapura dan ke Indonesia.

Beliau



Ayat aktif mengutamakan pelaku sebagai subjek dan mengandungi kata kerja aktif transitif.

Contoh: Saya membeli Kopi Buana.

Ayat pasif mengutamakan objek dan perbuatannya. Ayat ini mengandungi kata kerja pasif.

Contoh: • Kopi Buana saya beli.

• Kopi itu diminum oleh beliau.

Cerdik Bahasa



- Bimbing murid memahami penggunaan ayat aktif dan ayat pasif.
- Minta murid membina ayat aktif dan ayat pasif.

KBAT: Mengaplikasi – Menghasilkan Strategi PdP: Kontekstual

EMK: Keusahawanan – EK4